

Bekas pelajar KUTKM terima pampasan

Archival News | Berita Harian | 16/02/2005

MELAKA: Syarikat Takaful Malaysia Berhad (Takaful Malaysia) menyerahkan bayaran tuntutan pampasan insurans berkelompok sebanyak RM31,500 kepada tiga bekas pelajar Kolej Universiti Teknikal Malaysia (KUTKM) yang terbabit dalam kemalangan jalan raya pada Disember tahun lalu dan Januari tahun ini.

Penyerahan cek pampasan berkenaan dilakukan oleh Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Melaka Holding (PMH) Sdn Bhd, Mashitah Datuk Wira Ismail bagi pihak Takaful Malaysia kepada Rektor KUTKM, Datuk Prof Ismail Hassan yang menerima bagi pihak mangsa kemalangan terbabit.

PMH Sdn Bhd adalah agen korporat yang menguruskan insurans di kalangan pelajar dan kakitangan universiti berkenaan.

Ketiga-tiga pelajar yang menerima pampasan insurans berkenaan ialah Ahmad Taufik Mohamad Arif, 19 (Terengganu); Mohd Rowshan Mohd Zain Jonathan (Langkawi), 26 dan Siti Raudhah Ab Ghani, 19 dari Masjid Tanah, Melaka. Kesemua pelajar terbabit meninggal dalam kemalangan itu.

Ahmad Taufik dan Siti Raudhah masing-masing adalah pelajar tahun satu dan kedua-duanya sedang mengikuti jurusan Diploma Kejuruteraan Elektronik manakala Mohd Rowshan pula adalah pelajar tahun akhir dan mengikuti kursus Ijazah Sarjana Kejuruteraan Elektrik.

Sementara itu, Pengurus Besar Takaful Malaysia, Ahmad Mazlan berkata, setiap mangsa menerima RM10,500 seorang termasuk RM500 yang disumbangkan oleh Takaful Malaysia sebagai urusan pengkebumian.

Katanya, setakat ini, Takaful Malaysia sudah membuat pembayaran pampasan tuntutan kemalangan berjumlah RM43,500 kepada KUTKM untuk tempoh tiga tahun.

Beliau berkata, KUTKM pula sudah membuat bayaran premium kepada Takaful Malaysia sebanyak RM61,755 dalam tempoh berkenaan.

(END) Source : Berita Harian

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA